

# Peminggiran Tulisan Jawi Sebagai Lambang Jati Diri Melayu: Satu Kajian Tinjauan

## *Abandonment of Jawi Script as a Symbol of Malay Identity: A Case Observation Research*

Zurina Abdullah<sup>1</sup>, Adi Yasran Abdul Aziz<sup>2</sup>

Terima 26 OKT 2020	Wasit 20 NOV 2020	Muat Naik e-Jurnal 30 NOV 2020
-----------------------	----------------------	-----------------------------------

### ABSTRAK

Makalah ini mengemukakan perbincangan bersifat tinjauan terhadap tulisan Jawi sebagai lambang jati diri Melayu yang dilihat kian terpinggir. Dalam skop perbincangan, peminggiran tulisan Jawi akan dikaitkan dengan dapatan kajian yang telah dilakukan oleh beberapa orang pengkaji terhadap golongan belia dan remaja yang terdiri daripada pelajar sekolah mahupun Institusi Pengajian Tinggi (IPT). Hasil sorotan literatur, didapati tahap pengusaan Jawi dalam kalangan belia khususnya, masih berada pada tahap sederhana dari aspek kemahiran membaca mahupun menulis. Keadaan ini amat mendukacitakan kerana tulisan Jawi sangat berwibawa sebagai wahana utama dalam perkembangan ilmu di Alam Melayu khususnya pada zaman perkembangan bahasa Melayu klasik, iaitu sekitar abad ke-13 hingga 19. Namun, selepas era penjajahan dan kemerdekaan Tanah Melayu, tulisan Jawi kian mengalami kemerosotan dan terus terpinggir terutama selepas pewartaan tulisan Rumi sebagai tulisan rasmi kebangsaan yang termaktub dalam perlembagaan di bawah Akta Bahasa Kebangsaan 1963. Justeru, tujuan isu ini dibangkitkan adalah untuk menunjukkan kepada masyarakat hari ini bahawa isu peminggiran tulisan Jawi adalah amat serius dan perlu difikirkan bersama agar khazanah berharga ini tidak hilang dan terus dipelihara khususnya oleh generasi muda. Turut dikemukakan dalam perbincangan ini adalah usaha-usaha yang telah dilakukan atau cadangan usaha-usaha yang wajar dilakukan bagi memastikan tulisan Jawi tidak terus terpinggir. Kesimpulannya, diharap kegemilangan tulisan Jawi sebagai tulisan yang berprestij suatu masa dahulu dapat dikembalikan dan berkembang untuk menyampaikan pelbagai bidang ilmu.

**Kata kunci:** *Tulisan Jawi, tinjauan, sorotan literatur, jati diri, terpinggir.*

### ABSTRACT

*This paper presents a case study discussion on Jawi script as a symbol of Malay identity which is seen abandoned. In the discussion, abandonment of Jawi script will be linked with research findings done by several researchers on youngsters and teenagers from school and higher learning institutions. Literature review indicated that mastery level of Jawi script among youth is still satisfactory especially in reading and writing skills. This is saddened as Jawi script is a powerful tool in knowledge expansion of Malay world especially during the expansion of Malay classical era around 13th to 19th century. However, post colonisation and independence of Tanah Melayu had seen Jawi script to be deteriorating which resulted in abandonment. In addition, Rumi script was gazetted as the official national writing script under National Language Act 1963. Hence, the purpose behind the emergence of this issue is to show to people that abandoning Jawi script is serious and needs to be put into thoughts so that*

<sup>1</sup> Zurina Abdullah, Pusat Pengajian Teras, KUIS. zurinaabdullah@kuis.edu.my

<sup>2</sup> Adi Yasran Abdul Aziz, Prof. Madya PhD. Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, UPM. adi@fbmk.upm.my

*this treasure will not go missing but must be preserved especially by the younger generations. The discussion also presents efforts done and suggested efforts that should be made to ensure Jawi script will no longer be abandoned. In conclusion, the triumph of Jawi script as prestigious writing script will be reverted in conveying many different knowlegde fields.*

**Keyword:** Jawi script, Malay, identity, abandonment, literature review

## Pengenalan

Tulisan Jawi bermula daripada tulisan Arab, iaitu tulisan yang telah masuk ke Alam Melayu bersama-sama dengan kedatangan agama Islam. Tulisan Arab ini mula ada di Alam Melayu pada abad ketiga Hijrah berdasarkan bukti-bukti pada batu nisan di Alam Melayu. Perkataan jawi berasal daripada bahasa Arab yang dijadikan adjektif "Jawah" yang menjadi "Jawi". Tulisan Jawi memainkan dua peranan yang utama, iaitu sebagai tulisan dalam urusan surat-menyurat dan untuk menulis bahan-bahan lain seperti buku, kitab, risalah, catatan pentadbiran, hukum kanun, mata wang, batu nisan dan sebagainya (Amat Juhari, 1995).

Pada zaman transisi perkembangan bahasa Melayu kuno kepada Melayu klasik, iaitu sekitar abad ke-13 hingga 14, tulisan Jawi telah berupaya mengambil alih sistem tulisan dalam Alam Melayu selari dengan perkembangan agama Islam. Tulisan Pallava (ada juga tulisan Kawi) yang digunakan sebelum itu dianggap tidak lagi sesuai sebagai wahana penyebaran perihal agama baharu itu (dlm Abd Jalil, 2012). Menurut Syed Naquib (2015), penemuan Batu Bersurat Terengganu pada tahun 1303 Masihi menunjukkan bahawa tulisan Jawi telah digunakan sebelum tahun 1303 Masihi lagi. Tulisan ini terus menjadi wahana utama penyampaian ilmu dalam pelbagai bidang melalui penghasilan manuskrip-manuskrip yang terdiri daripada bidang bahasa dan kesusasteraan, undang-undang, perubatan, keagamaan (tasawwuf, fiqh, syariah, ibadat, munakahat, dsb), begitu juga dalam urusan pentadbiran (surat-menyurat dan perlombagaan), dan lain-lain lagi. Menjelang abad ke-20 Masihi, tulisan Jawi masih lagi digunakan khususnya dalam urusan surat-menyurat antara negeri-negeri Melayu dengan pihak Inggeris.

Biti-bitir peminggiran tulisan Jawi bermula sejak tahun 1952 apabila Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu Pertama yang menjalankan undian terhadap ahli kongres mendapati sudah ada undian yang menyokong supaya tulisan Jawi dihapuskan. Kongres Persuratan Melayu Malaya Kedua 1954 mengambil keputusan bahawa "...sudah sepatutnya tulisan Rumi itu dirasmikan bagi persuratan Melayu dengan tidak menghapuskan tulisan Jawi sehingga masa yang akan menentukannya..." (Abdullah, 2007). Pergolakan untuk menentukan jenis tulisan bagi bahasa Melayu sama ada tulisan Jawi atau Rumi timbul sekitar tahun 1950 hingga 1956. Pada tahun 1956, keputusan diambil, iaitu tulisan bahasa Melayu ialah tulisan Rumi. Ketetapan ini telah diinstitusikan menerusi Dasar Pelajaran Kebangsaan 1956 dan Akta Bahasa Kebangsaan 1963. Sejak itu, bermula zaman kemalapan bagi tulisan Jawi (Hamdan, 1999). Akta Bahasa Kebangsaan jelas memutuskan bahawa "tulisan bagi bahasa kebangsaan ialah tulisan Rumi dengan syarat bahawa ini tidak melarang penggunaan tulisan Melayu, yang lebih dikenal dengan nama tulisan Jawi" (Hamdan, 2003). Kemalapan dan peminggiran tulisan Jawi adalah amat merugikan kerana banyak sumber ilmu dalam pelbagai bidang tidak dapat digali dan dipelajari. Kenyataan ini dapat dibuktikan melalui pendapat yang dikemukakan oleh Za'ba (2013: xiii), iaitu:

*“...khazanah bahasa dalam tulisan Jawi didapati sukar dicapai kerana kefasihan dan kesedaran masharakan terhadapnya semakin pudar. Akibatnya, kekayaan pemikiran masharakan dahulu yang menghasilkan untaian mutiara ilmu dalam bentuk kitab, hikayat dan lain-lain terputus dengan masharakan sekarang dek kerana kegagalan mereka menguasai tulisan Jawi.”*

Sistem tulisan dan ejaan Jawi yang kini digunakan adalah sistem yang terdapat dalam buku Pedoman Ejaan Jawi yang Disempurnakan (PEJYD). Sistem ini diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka pada tahun 1986 (edisi kedua, 1987; edisi ketiga, 1993). PEJYD dihasilkan daripada rumusan Konvensyen Tulisan Jawi Peringkat Kebangsaan pada tahun 1984. Tulisan yang dibaca dari kanan ke kiri seperti sistem tulisan bahasa Arab ini tidak mempunyai huruf besar atau huruf kecil seperti tulisan Rumi tetapi perubahan huruf tertentu akan berlaku apabila dirangkaikan dengan huruf lain dalam penulisan sesuatu perkataan. Abjad Jawi bahasa Melayu sekarang mempunyai 37 huruf berbentuk tunggal.

### **Objektif Perbincangan**

Perbincangan ini bertujuan untuk mengetahui tahap penguasaan tulisan Jawi dalam kalangan belia sama ada di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) mahupun di sekolah berdasarkan kajian-kajian lepas yang pernah dilakukan. Seterusnya, perbincangan juga akan mengemukakan cadangan dan langkah yang telah atau yang difikirkan perlu dilaksanakan bagi memelihara tulisan Jawi. Justeru, dengan kedua-dua objektif ini akan dapat menunjukkan kepada masyarakat hari ini bahawa isu peminggiran tulisan Jawi didapati agak serius dan perlu difikirkan bersama agar khazanah berharga ini tidak hilang dan terus dipelihara khususnya oleh generasi muda.

### **Skop Perbincangan**

Skop perbincangan yang diletakkan dalam makalah ini adalah tertumpu kepada dapatan kajian-kajian yang telah dilakukan terhadap tahap penguasaan tulisan Jawi sama ada bagi kemahiran membaca atau menulis terhadap para pelajar atau belia yang terdiri daripada pelajar sekolah mahupun pelajar di IPT. Sebagai tambahan, perbincangan juga akan melihat usaha-usaha yang telah dilaksanakan dan cadangan-cadangan usaha yang disyorkan bagi mengukuhkan penguasaan tulisan Jawi agar jati diri Melayu ini tidak terpinggir dan dilupakan.

### **Perkaitan Tulisan Jawi dengan Konsep Jati Diri**

Perkataan jati diri merupakan istilah yang terbentuk melalui kata majmuk, iaitu merangkaikan dua kata dasar, iaitu jati dan diri yang membentuk satu istilah yang membawa satu konsep tersendiri. Secara literal, definisi jati dan diri dapat dijelaskan dengan merujuk Kamus Dewan Edisi Keempat (2010) sebagai mana berikut:

*jati I = sejati asli, murni, tulen, tidak bercampur, yg sebenarnya... (ms612)*

*diri I 1. batang tubuh, orang seorang, empunya badan... (ms354)*

*jati diri sifat atau ciri yg unik dan istimewa (dr segi adat, bahasa, budaya, agama dsb) yg menjadi teras dan lambang keperibadian seseorang individu, sesuatu bangsa dsb, identiti... (ms613).*

Secara konseptual, beberapa tokoh (Zakaria Stapa et.al, 2012) telah memberikan pendapat tentang maksud jati diri. Menurut Ahmad Mohamad (2009), jati diri atau *huwiyyah* bermaksud sifat-sifat atau ciri-ciri atau watak asli yang dimiliki oleh seseorang atau sesuatu

bangsa yang membentuk identiti serta perwatakan bangsa tersebut. Jati diri juga merujuk identiti diri yang sebenarnya atau asli yang dimiliki oleh seseorang yang bukan sahaja terlihat secara lahiriah, tetapi juga termasuk nilai-nilai yang menjadi pegangannya. Ia juga merujuk kepada identiti diri yang masih utuh dengan nilai-nilai adat, budaya, agama, bangsa dan negara (Wan Mohamad, 2010). Abdullah (2009) pula menjelaskan bahawa jati diri sesebuah bangsa merujuk kepada ciri-ciri yang membezakan sesuatu kumpulan manusia dengan kumpulan manusia yang lain dan rasa semangat kekitaan individu dalam kumpulan itu.

Berdasarkan tiga konsep jati diri yang dikemukakan itu, dapat dikatakan bahawa tulisan Jawi jelas menunjukkan satu lambang jati diri yang dimiliki oleh orang atau bangsa Melayu yang ruang lingkupnya berada dalam Alam Melayu, khususnya di negara kita. Bagi membincangkan dengan lebih jelas berkenaan konsep jati diri Melayu, Zakaria (2012) juga mengemukakan pendapat yang diberikan oleh Fatimi & Mohd Zamani (2006) yang menyatakan jati diri Melayu merupakan asas kepada pembentukan sahsiah diri untuk membina peribadi Melayu yang baik, beragama, berakhlak dan berbudi bahasa serta berpekerti mulia. Selain itu, pendapat oleh Siddiq Fadhil (2010) pula mentakrifkan jati diri Melayu adalah berdiri di atas dua asas utama, iaitu agama dan budaya.

Tulisan Jawi yang telah menjadi tulisan rasmi bahasa Melayu sejak lebih 700 tahun yang lalu ini, tentunya lebih akrab dengan jati diri masyarakat di negara kita terutama masyarakat Melayu/Islam. Tulisan Rumi yang diperkenalkan oleh pihak penjajah masih sangat baharu jika dibandingkan dengan tulisan Jawi, malah hanya termaktub dalam akta selepas negara mencapai kemerdekaan. Dalam masa yang sama masyarakat Cina dan India didapati masih mempertahankan bahasa dan tulisan bangsa mereka. Oleh itu, amatlah tidak wajar orang Melayu meminggirkan tulisan Jawi yang telah sekian lama menjadi lambang jati diri mereka. Tulisan Jawi menjadi tulisan rasmi utama bahasa Melayu sejak abad ke-14 sehingga tahun 1963 apabila tempatnya digantikan dengan tulisan Rumi seperti yang termaktub dalam Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67 yang berbunyi:

“...Tulisan bagi bahasa kebangsaan ialah tulisan Rumi: dengan syarat bahawa ini tidak melarang penggunaan tulisan Melayu, yang lebih dikenali dengan nama tulisan Jawi, bagi bahasa kebangsaan”.

Walau bagaimanapun, jika dilihat secara positif, Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67 ini sebenarnya turut mengiktiraf tulisan Jawi sebagai tulisan yang boleh digunakan dalam urusan rasmi dan boleh dianggap sebagai tulisan rasmi kedua selepas tulisan Rumi bagi bahasa kebangsaan. Maksud rasmi di sini adalah seperti yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan Perkara 152 Fasal 6, iaitu:

...Dalam Perkara ini, "maksud rasmi" ertinya apa-apa maksud Kerajaan, sama ada Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri, dan termasuklah apa-apa maksud sesuatu pihak berkuasa awam.

Oleh itu, tiada sesiapa yang boleh membantah, apatah lagi menghalang penggunaan tulisan Jawi dalam urusan rasmi kerajaan termasuklah dalam sistem pendidikan negara.

## Dapatan Kajian Literatur

Dalam perbincangan ini, kajian-kajian berkaitan isu tulisan Jawi dikemukakan bagi memperlihatkan cabaran dan situasi terhadap pemunggiran tulisan Jawi. Kajian-kajian yang dikemukakan merangkumi sama ada dari aspek persepsi, penguasaan, penerimaan, pengajaran dan juga cabaran terhadap tulisan Jawi.

Satu kajian berkaitan persepsi terhadap tulisan Jawi telah dilakukan pada tahun 1993 oleh Mustaffa bin Hj Daud et.al terhadap mahasiswa Melayu di Universiti Utara Malaysia (UUM). Kajian ini menerima maklum balas daripada hasil edaran sebanyak 236 borang soal selidik. Hasil analisis mendapati persepsi pelajar terhadap keupayaan mereka menggunakan tulisan Jawi adalah didasari oleh sistem persekolahan agama, pekerjaan ibu bapa, dapat menguasai al-Quran, membaca surat khabar bertulisan Jawi dan mempunyai minat untuk mempelajarinya. Tarikan utama mereka meminati tulisan Jawi mempunyai hubungan yang signifikan dengan memenangi anugerah dalam bacaan al-Quran.

Pada tahun 2002, Mohd Jamil bin Haron telah melakukan kajian berkaitan penggunaan tulisan Jawi dalam kalangan mahasiswa Pengajian Islam di Universiti Malaya (UM). Sebanyak 24 set borang soal selidik telah diedarkan kepada 12 orang mahasiswa lelaki dan 12 orang mahasiswa perempuan. Hasil kajian mendapati penggunaan tulisan Jawi dalam kalangan mahasiswa tersebut berada pada tahap sederhana. Analisis dapatan kajian ini menunjukkan sebanyak 67 peratus responden berupaya menulis tulisan Jawi pada tahap yang baik manakala 33 peratus pada tahap sederhana. Keupayaan membaca pula sebanyak 83 peratus mampu membaca dengan baik dan 17 peratus berada pada tahap sederhana. Namun, dari aspek pembudayaan tulisan Jawi, responden lebih cenderung menggunakan tulisan Rumi kerana ia lebih mudah, cepat dan efektif berbanding tulisan Jawi yang tidak bersifat global. Rumusannya, pengkaji mendapati satu usaha diperlukan untuk memperkasakan kembali tulisan warisan tersebut.

Pada tahun 2008, kajian yang menyentuh aspek kaedah ejaan Jawi baharu telah dilakukan oleh Misnan bin Jemali. Kajian ini mengambil responden yang terdiri daripada siswazah Pengajian Islam yang telah menamatkan pengajian sama ada di institusi dalam maupun luar negara. Sebanyak 52 set borang soal selidik diedarkan kepada 18 orang responden lelaki dan 34 orang responden perempuan, dan sebanyak 37 daripadanya mendapat pendidikan di dalam negara manakala 15 orang mendapat pendidikan dari luar negara. Hasil kajian mendapati keupayaan dalam aspek pembudayaan tulisan Jawi seperti pengambilan nota di dalam kelas atau membuat kerja kursus berada pada tahap sederhana, iaitu hanya 61.40 peratus, amalan membaca surat khabar Jawi sebanyak 50.60 peratus, dan menjawab soalan peperiksaan dalam tulisan Jawi sebanyak 72.20 peratus. Secara rangkumannya, pengkaji mendapati 50 peratus daripada para siswazah berada pada tahap lemah manakala 48.80 peratus masih berada pada tahap sederhana. Para siswazah mengakui bahawa mereka masih keliru dengan kaedah ejaan Jawi baharu yang diperkenalkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) yang telah mewujudkan kelemahan dalam penguasaan dan penggunaan tulisan Jawi.

Kajian lain pada tahun yang sama ada dilakukan oleh Rosfazila binti Abd Rahman et. al terhadap golongan mahasiswa di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS). Kajian tinjauan awal yang dilakukan terhadap 40 orang mahasiswa Fakulti Pengajian Islam ini memfokuskan kepada aspek kemahiran tulisan Jawi. Kajian ini menerima maklum balas positif kerana hasil kajian mendapati seramai 39 orang responden mempunyai pengetahuan yang baik berkaitan perkembangan tulisan Jawi secara umum, 31 orang berminat untuk mempelajari dan

mempraktikkan tulisan Jawi, 36 orang bersetuju bahawa kemahiran tulisan Jawi telah memberi mereka nilai tambah dan menjadi kebanggaan peribadi, dan 24 orang memberi keyakinan bahawa golongan mahasiswa adalah penyambung kepada warisan tulisan Jawi. Dapatkan kajian juga menunjukkan seramai 37 orang mahasiswa mengenal abjad Jawi, mampu menulis dan memahami teks tulisan Jawi dengan baik. Dari aspek terjemahan pula, 36 orang responden boleh menterjemah teks dan 39 orang responden boleh membaca tulisan Jawi.

Pada tahun 2009, kajian berkenaan penguasaan tulisan Jawi dalam kalangan mahasiswa Pengajian Islam telah dilakukan oleh Ahmad Faisal bin Abdul Hamid. Sebanyak seribu borang soal selidik telah diedarkan secara langsung kepada responden di beberapa buah IPTA, iaitu Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Malaya (UM), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dan Univerisiti Darul Iman Malaysia (UDM). Daripada seribu borang yang diedarkan, sebanyak 793 borang telah dianalisis. Hasil kajian menunjukkan kurangnya pengetahuan berkaitan sejarah perkembangan tulisan Jawi kerana hanya 15 peratus sahaja yang mampu menjawab. Dari aspek minat terhadap tulisan Jawi, hanya segelintir sahaja yang menunjukkan minat walaupun mereka mempelajari tulisan Jawi seawal usia enam tahun. Apabila ditanya berkaitan minat terhadap seni khat, terdapat respon positif kerana mereka berminat menggunakan seni khat bermula daripada tadika dan sekolah rendah. Berkaitan dengan sistem dan kaedah tulisan Jawi pula, tidak ramai responden yang dapat menjawab dengan baik. Menurut pengkaji, hal ini mungkin disebabkan kurangnya pengetahuan mengenai tulisan Jawi dan tiada penekanan khusus terhadap sistem dan kaedah tulisan Jawi. Bagi bahagian utama kajian ini, iaitu berkaitan penggunaan tulisan Jawi didapati jawapan yang diberikan menunjukkan mereka berminat untuk menggunakan tulisan Jawi dan berkeinginan memantapkan tahap penulisan Jawi. Namun, hasrat tersebut tidak dihalang oleh faktor kurangnya sumber bacaan, kekeliruan sistem ejaan, tempoh penulisan Jawi yang lama dan sebagainya. Rumusannya, kajian ini mendapati penguasaan tulisan Jawi dan aplikasinya dalam kalangan mahasiswa Pengajian Islam berada pada tahap yang rendah.

Kajian terhadap tulisan Jawi juga banyak dilakukan di peringkat sekolah. Pada tahun 2007, Nik Rosila binti Nik Yaacob telah membuat kajian terhadap 400 orang pelajar Tingkatan 2 dan Tingkatan 4 dari dua buah sekolah menengah di Shah Alam dan Kuala Lumpur. Tujuan kajian ini adalah untuk melihat hubungan antara penguasaan Jawi dengan pencapaian dan minat pelajar dalam subjek Pendidikan Islam. Kaedah penyelidikan ini berlandaskan kepada Teori Pembelajaran yang diperkenalkan oleh Bloom (1976). Dapatkan kajian menunjukkan penguasaan pelajar dalam kemahiran Jawi masih berada pada tahap lemah. Secara purata, sebanyak 41.82 peratus pelajar gagal menyambung huruf-huruf Jawi mudah yang diberikan. Penguasaan pelajar dalam kemahiran menukar perkataan daripada huruf Rumi kepada Jawi juga adalah amat lemah. Hubungan antara penguasaan Jawi dengan pencapaian pencapaian pelajar dalam Pendidikan Islam menunjukkan bahawa para pelajar yang cemerlang dalam subjek ini didapati lemah dalam kemahiran mengeja Jawi. Hal ini mungkin disebabkan dalam subjek ini tulisan Rumi juga turut digunakan dan pelajar lebih memilih menggunakanannya.

Merujuk kepada kajian oleh Nur Azuki Yusuff dan Nik Yusri Musa (2012), terdapat beberapa sorotan kajian lepas berkenaan penguasaan tulisan Jawi di peringkat sekolah. Pada tahun 2007, Siti Fatimah mengemukakan hasil kajianya yang dilakukan di Sarakei menunjukkan hampir sebahagian responden tidak mengenali dan tidak boleh membaca huruf Jawi. Lebih sebahagian pula tidak boleh menulis Jawi. Terdapat juga kajian lain yang dibuat berdasarkan laporan pemantauan j-QAF peringkat negeri Sarawak pada tahun 2008 mendapati masih ramai pelajar di beberapa buah sekolah di bahagian Sarakei dan Sibu yang belum

menguasai kemahiran Jawi. Laporan ini juga mendapat terdapat guru j-QAF yang kurang jelas konsep Kelas Pemulihan Jawi. Kajian oleh Sabariah pada tahun 2008 juga mendapat prestasi murid dalam Model Pemulihan Jawi masih berada pada tahap sederhana. Kajian ini melibatkan seramai 305 orang guru j-QAF ambilan tahun 2005, 2006 dan 2007 di sebuah institusi perguruan di Sabah.

Dr. Nik Azuki dan rakannya melakukan kajian tinjauan terhadap pandangan remaja masa kini tentang penerimaan dan halatuju tulisan Jawi. Kajian yang dilakukan pada tahun 2012 ini melibatkan 170 orang remaja berumur sekitar 19 dan 20 tahun yang berada di Universiti Malaysia Kelantan (UMK). Persoalan yang dikemukakan melibatkan kemampuan tulisan Jawi mengambil alih penggunaan tulisan Rumi pada masa akan datang, mengenal pasti sama ada Islam boleh membangun atau mantap tanpa tulisan Jawi, dan mengetengahkan tahap penguasaan tulisan Jawi secara rawak. Hasil dapatan melalui respon pelajar menunjukkan tulisan Jawi boleh mengambil alih penggunaan tulisan Rumi pada masa hadapan, Islam boleh membangun atau mantap tanpa tulisan Jawi pada masa hadapan, dan tahap penguasaan tulisan Jawi dalam kalangan remaja adalah masih lemah.

Setelah melihat kepada dapatan kajian yang pelbagai di peringkat sekolah mahupun IPT, perbincangan terhadap isu pemunggiran jati diri Melayu ini juga perlu dilihat dari aspek cabaran semasa. Shakila Ahmad et.al (2011, 2012) telah membangkitkan soal cabaran semasa tulisan Jawi sebagai warisan peradaban bangsa Melayu. Beliau menegaskan bahawa tulisan Jawi merupakan pusaka yang amat tinggi nilainya dan wajib dipelihara oleh setiap individu yang mewarisi bahasa dan bangsa Melayu. Bagi memelihara tulisan Jawi sebagai warisan peradaban Melayu, beberapa cabaran semasa perlu dikenal pasti barulah langkah yang sesuai boleh diambil. Menurut kajian beliau dan rakan-rakan, cabaran semasa utama adalah peranan tulisan Jawi yang telah diambil alih. Kenyataan ini juga telah dibincangkan oleh Prof. Madya Dr. Othman Yatim pada tahun 2000 yang menyatakan Akta Bahasa 1963 meminggirkan tulisan Jawi. Cabaran kedua yang dibangkitkan Shakila adalah pertambahan perbendaharaan perkataan dalam bahasa Melayu. Penyerapan kata pinjaman daripada bahasa Inggeris misalnya istilah-istilah khusus dalam bidang tertentu seperti perkataan *advertensi, eksentrik, eksponen, introvert, inventori, ultrakonservatif* dan sebagainya menyebabkan bahasa Melayu sukar ditulis menggunakan tulisan Jawi. Disebabkan bahasa Inggeris menggunakan huruf yang tidak terdapat dalam tulisan Jawi dan sebutan bahasa Melayu, maka penulisannya terpaksa menggunakan lebih daripada satu huruf untuk mewakili satu bunyi. Cabaran ketiga dilihat berkait dengan kaedah baharu cara belajar membaca al-Quran. Pelbagai kaedah baharu diperkenalkan antaranya, iqra', al-Barqi dan al-Baghdadi. Beliau mengambil kaedah iqra' yang memperkenalkan huruf al-Quran dengan terus membunyikan huruf hijaiyyah yang berbaris tanpa perlu mengeja terlebih dahulu. Kaedah ini menyebabkan pelajar tidak tahu nama bagi huruf-huruf Arab yang sememangnya sama dengan huruf Jawi.

Berdasarkan dapatan beberapa kajian yang telah dilakukan, dapat dikatakan isu pemunggiran tulisan Jawi berkait dengan faktor keperluan. Cabaran yang amat kritikal pada masa kini adalah kebanyakan generasi kini menganggap bahawa penguasaan dan pemahaman terhadap tulisan Jawi hanya sekadar keperluan untuk digunakan dalam pelajaran di sekolah. Tulisan Jawi hanya dianggap penting dan perlu dalam konteks pembelajaran semata-mata. Biarpun ada dalam kalangan mereka yang berminat dengan Jawi sekalipun, namun minat itu akhirnya akan pudar selepas mereka menamatkan zaman persekolahan kerana hakikatnya pengamalan dan pembudayaan tulisan Jawi tidak meluas apabila mereka memasuki ke IPT dan dunia luar persekolahan. Keadaan ini adalah amat merugikan kerana akhirnya pengetahuan terhadap Jawi akan terhakis dan kian dilupakan.

Selain itu, cabaran lain yang perlu difikirkan penyelesaiannya bersama adalah kaedah atau solusi untuk memastikan punca-punca peminggiran tulisan Jawi ini tidak terus berlaku. Secara realitinya, teras atau asas terhadap pemupukan rasa cinta dan kepunyaan bahawa Jawi itu adalah milik bangsa Melayu dan lambang jati diri Melayu adalah tanggungjawab di peringkat persekolahan lagi. Jika dilihat kepada kajian-kajian lain, banyak juga dapatan yang menunjukkan bahawa minat para pelajar di sekolah terhadap tulisan Jawi disebabkan oleh kaedah pengajaran guru-guru khususnya dalam subjek Pendidikan Islam yang dianggap membosankan oleh para pelajar. Penekanan terhadap kepentingan menguasai Jawi juga kurang ditekankan dalam pendidikan.

### **Langkah dan Cadangan**

Tulisan Jawi yang telah menjadi tulisan rasmi bahasa Melayu sejak lebih 700 tahun yang lalu ini, tentunya lebih akrab dengan jati diri masyarakat di negara kita terutama masyarakat Melayu/Islam. Tulisan Rumi yang diperkenalkan oleh pihak penjajah masih sangat baharu jika dibandingkan dengan tulisan Jawi, malah hanya termaktub dalam akta selepas negara mencapai kemerdekaan. Dalam masa yang sama masyarakat Cina dan India didapati masih mempertahankan bahasa dan tulisan bangsa mereka. Oleh itu, amatlah tidak wajar orang Melayu meminggirkan tulisan Jawi yang telah sekian lama menjadi lambang jati diri mereka. Sebagaimana yang ditegaskan oleh Hashim dan Adi Yasran (2009), pemerkasaan kembali Jawi adalah kerana Jawi ialah jati diri orang Melayu, bangsa Jawi ialah bangsa Melayu, tanah Jawi ialah tanah Melayu, bahasa Jawi ialah bahasa Melayu, tulisan Jawi ialah tulisan Melayu yang menjadi sifat dan identiti yang mewarnai bangsa Melayu hampir sekian lamanya. Kehilangan satu elemen jati diri bangsa demikian sudah pasti akan menjadikan maruah dan harga diri kita sendiri, dan yang lebih serius lagi boleh membawa kepada kepupusan bangsa Melayu sedikit demi sedikit.

Sesuai dengan perbincangan literatur yang telah dikemukakan, cadangan untuk memelihara dan meningkatkan penguasaan terhadap tulisan Jawi perlu dilakukan di peringkat sekolah. Langkah yang dicadangkan adalah dengan meneruskan ujian Jawi dalam mata pelajaran Pendidikan Islam di peringkat Sijil Peperiksaan Malaysia (SPM) yang sedia ada dengan mengubah suai sukatan pelajaran supaya dimasukkan hasil pembelajaran yang sesuai untuk menguji kemahiran literasi Jawi. Seterusnya, sukatan pelajaran Bahasa Melayu tahap 2, iaitu pada darjah 5 dan 6 di peringkat sekolah rendah perlu meneruskan pembelajaran Jawi secara tidak membebankan pelajar dan ia perlu diteruskan apabila berada di peringkat menengah dan harus diuji dalam peperiksaan.

Usaha-usaha memperkasakan tulisan Jawi daripada terus terpinggir banyak dilakukan di pelbagai peringkat. Pada tahun 1985, Kementerian Pelajaran telah mewajibkan pelajaran tulisan Jawi di sekolah rendah agama. Selain itu, pada tahun 1992, Kementerian Pendidikan Malaysia telah memutuskan untuk memasukkan pelajaran Jawi ke dalam Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR) tetapi hanya diajar dalam subjek Pendidikan Islam. Pada tahun 2004 pula, kerajaan telah memperkenalkan program J-Qaf di sekolah rendah bagi meningkatkan penguasaan tulisan Jawi, fardhu ain dan al-Quran. Menurut pendapat Siddiq Fadzil (Faizal dan Niswa, 2009), usaha-usaha yang dilakukan tersebut tidak menampakkan kesan yang besar dalam membentuk generasi celik Jawi. Malah, kegagalan membaca al-Quran dengan lancar adalah berpunca daripada kelemahan menguasai tulisan Jawi dan menyebabkan berlakunya percubaan merumikan al-Quran.

Di peringkat kebangsaan, terdapat juga penganjuran Karnival Semarak Jawi di setiap negeri antaranya pada tahun 2012 di Terengganu, 2014 di Kedah, 2015 di Johor, 2016 di Perak dan 2018 di Sarawak. Penganjuran karnival ini ternyata mendapat sambutan masyarakat daripada pelbagai peringkat umur. Namun, penganjuran karnival seumpama ini perlu memikirkan tindakan susulan dengan kerjasama pelbagai pihak bagi menghasilkan output yang dapat dimanfaatkan bersama. Dalam Karnival Semarak Jawi Kebangsaan pada tahun 2012 bertempat di Pusat Dagangan Terengganu, beberapa cadangan telah dikemukakan agar dilaksanakan khususnya dalam bidang pendidikan. Pertama, pelaksanaan pengajaran tulisan Jawi di sekolah hendaklah benar-benar terancang supaya terjamin keberkesanannya. Kedua, sukanan pelajaran di peringkat rendah dan menengah perlu dikaji semula untuk memastikan pengajaran tulisan Jawi mempunyai masa yang cukup. Ketiga, pusat pengajian tinggi khususnya yang terlibat dengan Pengajian Islam dan Perguruan perlu memastikan supaya tulisan Jawi dijadikan sebagai mata pelajaran wajib dan keempat, perisian komputer yang memuatkan bacaan dan tulisan Jawi seperti e-Jawi perlu diperbanyak dan disebarluaskan untuk menarik minat pengguna.

Usaha yang dilakukan oleh beberapa buah negeri melalui Majlis Perbandaran, iaitu memasukkan tulisan Jawi dalam papan-papan tanda dan juga papan iklan harus dicontohi dan diwartakan sebagai akta. Antara negeri-negeri yang mengambil langkah ini ialah negeri Kelantan, Terengganu, Johor, Selangor dan juga Melaka. Beberapa Majlis Perbandaran yang terlibat adalah seperti Majlis Perbandaran Muar, Majlis Perbandaran Shah Alam dan Majlis Perbandaran Jasin. Penyebaran tulisan Jawi melalui papan-papan tanda ini secara tidak langsung dapat menjadi wahana pendidikan khususnya kepada kanak-kanak dan generasi muda kerana mereka akan tertarik untuk cuba membacanya. Selain papan tanda, tulisan Jawi juga boleh disemarakkan melalui kain rentang, gegantung dan yang seumpamanya dengan menggunakan khat yang menarik. Dalam hal ini, rakyat Malaysia perlu dididik daripada awal lagi supaya menghormati bahasa kebangsaan yang mempunyai dua bentuk tulisan ini. Jika semua rakyat Malaysia mempunyai semangat patriotik dan menghormati bahasa kebangsaan, maka penggunaan papan tanda bertulisan Jawi ini boleh diperluaskan ke seluruh Malaysia tanpa sebarang bantahan. Selain di papan tanda, penggunaan tulisan Jawi pada kepala surat rasmi, nama bangunan, jenama produk dan lain-lain juga perlu dipertingkatkan.

Selain itu, usaha untuk menerbitkan semula akhbar bertulisan Jawi perlu dilakukan. Usaha yang dilakukan oleh kerajaan negeri Johor melalui Johor Corporation melancarkan portal berita dalam tulisan Jawi sememangnya harus dipuji dan dicontohi. Portal ini merupakan portal pertama bertulisan Jawi dalam sejarah negara kita dengan kerjasama Utusan Melayu. Melalui pelancaran portal ini, diharap generasi alaf ke-21 hari ini akan dapat memperkasakan kemahiran Jawi melalui pembacaan berita-berita dan segala maklumat di dalamnya. Jika sebelum ini, akhbar Utusan Melayu dan Utusan Zaman hanya menjadi pilihan pembaca yang terdiri dalam kalangan para pesara, golongan berumur serta golongan yang berlatarbelakangkan pendidikan Melayu atau sekolah agama.

Satu lagi langkah yang boleh dilakukan oleh negara Malaysia adalah dengan mencetak nama orang Melayu Islam dalam tulisan Jawi pada kad pengenalan disamping tulisan Rumi seperti yang telah dilakukan oleh negara jiran, iaitu Singapura. Hal ini kerana pada masa kini terdapat banyak nama orang Melayu Islam yang diambil daripada nama Arab dieja dengan pelbagai cara dalam tulisan Rumi kerana sifat tulisan Rumi tidak mesra bahasa Arab. Hal ini boleh dielakkan jika tulisan Jawi digunakan untuk mengeja nama orang Melayu beragama Islam.

Cadangan lain yang boleh dilakukan bagi memelihara tulisan Jawi juga adalah dengan mentransliterasi atau alih huruf manuskrip Melayu lama ke dalam tulisan Rumi dan juga tulisan Jawi tetapi menggunakan sistem ejaan baharu. Kesemua manuskrip yang telah ditransliterasi selama ini ditulis dalam ejaan menggunakan tulisan Rumi. Hal ini dikhuatiri suatu hari nanti bahan bacaan dalam tulisan Jawi tidak mempunyai pembaca lagi yang akhirnya boleh membawa kepada kepupusan tulisan itu sendiri. Oleh itu, selain melihat tulisan Jawi sebagai alat penyampaian ilmu, tulisan Jawi juga perlu dilihat sebagai pembina sahsiah dan jati diri negara bangsa. Walaupun tulisan Rumi didakwa mampu menggalas tugas sebagai alat penyebaran ilmu, namun atas kapasitinya sebagai tulisan penjajah, ia pastinya tidak sehebat tulisan Jawi dalam membina sahsiah dan jati diri negara bangsa. Justeru, usaha untuk menulis semula manuskrip ke dalam ejaan Jawi baharu amat perlu untuk dilakukan agar generasi baharu dapat membaca Jawi dengan lebih mudah dan akhirnya ilmu dan kandungan yang terdapat dalam manuskrip Melayu dapat dipelajari dan difahami.

## Kesimpulan

Isu terhadap peminggiran tulisan Jawi ini sesungguhnya perlu dicakna bersama oleh semua peringkat dan lapisan masyarakat. Faktor peminggiran tulisan Jawi melibatkan faktor luaran dan dalaman bangsa Melayu sendiri. Faktor luaran yang terkesan sekali semestinya penjajahan barat yang memperkenalkan tulisan Rumi melalui sistem pendidikan barat. Krisis jati diri bangsa Melayu sememangnya berlaku dan terkesan akibat penjajahan. Namun, seharusnya bangsa Melayu sendiri perlu berpegang teguh dan terus menjaga serta mempertahankan warisan bangsa dengan tidak mudah menerima segala perkara yang akhirnya menggadai warisan sendiri. Selain itu, bantahan daripada kaum-kaum lain terhadap penggunaan tulisan Jawi turut mengundang kepada faktor luaran peminggiran tulisan ini.

Sememangnya telah banyak kajian dan langkah yang dibuat untuk memelihara tulisan Jawi, namun masih berada pada tahap kurang memberansangkan. Keadaan ini disumbang oleh faktor dalaman bangsa Melayu sendiri apabila lebih memilih tulisan Rumi untuk dijadikan tulisan rasmi utama negara. Lebih menyedihkan lagi apabila terdapat menteri atau pihak berautoriti berbangsa Melayu yang mengambil keputusan untuk menghapuskan tulisan Jawi dalam sistem pendidikan. Pihak yang berautoriti seharusnya perlu lebih agresif dan giat merancang dan melaksanakan pelbagai lagi usaha untuk memastikan tulisan Jawi tidak terus dilupakan khususnya oleh generasi muda akan datang. Ketirisan jati diri dalam bangsa Melayu boleh menyebabkan bangsa ini menjadi amat daif, lemah serta miskin pada pandangan bangsa-bangsa lain. Justeru, pemerkasaan semula jati diri bangsa Melayu khususnya terhadap tulisan Jawi perlu dan harus diserap kembali agar sejarah kegemilangan bangsa Melayu dan tulisan orang Melayu akan terus diingati dan disegani di mata masyarakat dan tamadun yang lain.

## Rujukan

- Abd Jalil Borhan. 2012. Tulisan Jawi: Tulisan Serantau. *Kertas kerja ucaptama Seminar Tulisan Jawi dan Teknologi Peringkat Kebangsaan 2012*. Universiti Malaysia Pahang.
- Abdullah Hassan (pnys). 2007. Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu I-VI (1952-2002). Kuala Lumpur: Persatuan Penterjemah Malaysia.
- Amat Juhari Moain. 1995. Tulisan jawi sebagai wahana pelestarian bahasa, budaya dan tamadun dunia Melayu. *Kongres Bahasa Melayu Sedunia Kumpulan Kertas Kerja Jilid I*, hlm. 150-162.
- Faisal@Ahmad Faisal Abdul Hamid dan Niswa@Noralina Abdullah. 2009. Penggunaan tulisan Jawi di kalangan mahasiswa Pengajian Islam: kajian di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) tempatan. *Jurnal Al-Tamaddun*: hlm. 145-156.
- Hamdan Abdul Rahman. 1999. *Panduan menulis dan mengeja jawi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hashim Hj. Musa dan Adi Yasran Abdul Aziz. 2009. Pemerkasaan kembali tulisan jawi. *Jurnal Aswara*. 4(1), hlm. 159-176
- Ismail bin Dahaman, Manshoor bin Haji Ahmad. 2006. Daftar Kata Bahasa Melayu Rumi-Sebutan-Jawi. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Dewan Edisi Keempat. 2010. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kang Kyoung Seok dan Muhammad Syukri Rosli. 2015. *Pengantar Ilmu Jawi*. Selangor: Klasika Media-Akademi Jawi Malaysia.
- Nik Rosila Nik Yaacob. 2007. Penggunaan Jawi dan hubungannya dengan minat dan pencapaian pelajar dalam Pendidikan Islam. *Jurnal Pendidik dan Pendidikan*: hlm. 161-172.
- Nur Azuki Yusuff dan Nik Yusri Musa. 2012. Penerimaan dan halatuju tulisan Jawi: satu tinjauan dari pandangan remaja. *Prosiding Seminar Jawi Serantau*.
- Shakila Ahmad et.al. 2011. Tulisan Jawi sebagai warisan peradaban bangsa: analisa dari aspek cabaran semasa. *Kertas kerja World Congress for Islamic History and Civilization*. Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Shakila Ahmad et.al. 2012. Cabaran semasa tulisan Jawi sebagai warisan masyarakat peradaban bangsa Melayu. *Juornal of Techno Social*: hlm. 81-88.
- Syed Naquib al-Attas. 2015. *Tarikh sebenar Batu Bersurat Terengganu*. Kuala Lumpur: Universiti Teknologi Malaysia.
- [www.utusan.com.my](http://www.utusan.com.my)
- [www.sinarharian.com.my](http://www.sinarharian.com.my)
- Zainal Abidin Ahmad. 2013. *Bahasa Melayu kelebihan dan kekurangannya*. Selangor: Klasika Media-Akademi Jawi Malaysia.

Zakaria Stapa et.al. 2012. Islam asas pembentukan jati diri bangsa Melayu-muslim. *Jurnal Hadhari Edisi Khas*: hlm. 129-141.